

NEWS CLIPPING – PRESS

		Date	Tue, 15 Aug 2023
Website	Bharian.com.my	No. of Pages	2
Section	Bisnes		
Headline	Kerajaan kaji keperluan lantik pegawai perlindungan data dalam organisasi		
URL	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/08/1140646/kerajaan-kaji-keperluan-lantik-pegawai-perlindungan-data-dalam		



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN **BISNES** RENCANA WANITA Hujung Minggu BH Kapsul PRN 2023

PASARAN KORPORAT AUTO HARTANAH TEKNOLOGI USAHAWAN **LAIN-LAIN (BISNES)**

Kerajaan kaji keperluan lantik pegawai perlindungan data dalam organisasi



Gambar fail. Menteri Komunikasi Digital, Fahmi Fadzil. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

Kerajaan sedang meneliti keperluan untuk melantik pegawai perlindungan data dalam setiap organisasi sebagai sebahagian usaha mengukuhkan perlindungan data pengguna di Malaysia.

Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil, berkata ia adalah antara perkara dalam cadangan pindaan terhadap Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010.

"Kita sedang mempertimbangkan sama ada setiap organisasi perlu ada pegawai perlindungan data atau tidak.

"Ini antara yang sedang dipertimbangkan berdasarkan masalah penjagaan data oleh setiap organisasi yang kita lihat mungkin ada keperluan untuk diwujudkan satu jawatan.

"Tetapi semuanya tertakluk kepada proses yang saya sebutkan, untuk mendapatkan maklum balas daripada pemegang taruh dan pihak berkepentingan serta menanti keputusan Jemaah Menteri," katanya kepada media ketika ditemui pada majlis perasmian pembukaan Perkhidmatan, Pertahanan Digital Siber dan Keselamatan Asia (CyberDSA) 2023 di sini, hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri, Teo Nie Ching; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Affendi Buang dan Pengerusi CyberSecurity Malaysia, Jeneral (B) Tan Sri Dr Zulkifeli Mohd Zin.

Mengulas lanjut Fahmi berkata, kerajaan bercadang untuk menaik taraf Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) kepada badan berkanun bagi mengukuhkan peranannya dalam mengetuai perlindungan data peribadi dalam industri dan urus niaga komersial hasil daripada semakan semula PDPA 2010.

"Bagi pindaan kepada PDPA 2010, seperti kita sedia maklum pada Januari 2020, satu kertas putih telah dibawa dan ada lebih 20 soalan berkenaan dengan beberapa seksyen berkaitan di dalam akta itu yang kita perlu tambah baik.

"Antara isu utama takrifan transaksi komersil dan juga apa yang dimaksudkan dengan data, pemproses data serta satu aspek yang kita lihat agak penting iaitu pegawai pelindung data. Ini penting bagi organisasi-organisasi yang menjaga data.

"Bagaimanapun saya telah minta pihak JPDP untuk mengadakan siri pertemuan dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan sedikit maklum balas sebelum kita bawa draf mutakhir (pindaan PDPA) ke Jemaah Menteri.

"Kita jangkakan proses ini akan mengambil sedikit masa dan jangkakan saya sekiranya diluluskan oleh Jemaah Menteri, kita akan bawa pindaan ini ke Parlimen, pada Oktober ini atau paling lewat bulan Mac tahun depan," katanya.

Dalam pada itu Fahmi berkata, Rang Undang-undang (RUU) Keselamatan Siber bakal dibentang ke Dewan Rakyat pada akhir tahun ini dalam usaha untuk mengukuhkan daya tahan dan tindak balas Malaysia terhadap ancaman siber.

Katanya, RUU itu dirangka oleh Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), agensi di bawah Majlis Keselamatan Negara yang kemudian akan dibawa ke Jemaah Menteri terlebih dulu untuk mendapatkan kelulusan sebelum perinciannya dapat dikongsikan kepada khalayak awam.

"Prosesnya sedang berjalan dan saya percaya tidak lama lagi NACSA akan dapat menyampaikan sedikit apa yang terkandung di dalam RUU itu," katanya